



13 Mac 2025
13 March 2025
P.U. (A) 81

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG
(PINDAAN) 2025

*FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT)
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 14 Mac 2025.

Pindaan peraturan 32

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 32—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Tertakluk kepada subperaturan (6), Wakil-wakil Unit dari mana-mana unit ahli sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah seperti yang berikut:

(a) dalam hal keadaan keseluruhan ahlinya lebih daripada lima puluh orang ahli—

(i) tiga orang Wakil-wakil Unit bagi lima puluh orang ahli yang pertama; dan

(ii) dua orang Wakil-wakil Unit bagi tiap-tiap lima puluh orang ahli atau kurang daripada lima puluh orang ahli yang berikutnya; atau

(b) dalam hal keadaan keseluruhan ahlinya kurang daripada lima puluh orang ahli, tiga orang Wakil-wakil Unit.”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (1A) dengan subperaturan yang berikut:

“(1A) Wakil-wakil Unit bagi tiap-tiap unit ahli sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk:

(i) Pengerusi Jawatankuasa Unit;

(ii) Ketua Kumpulan Peladang Muda; dan

(iii) Ketua Kumpulan Peladang Nita.”;

(c) dalam subperaturan (1B), dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “dua”;

(d) dalam perenggan (2A)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi Jemaah Pengarah” perkataan “, Ketua Kumpulan Peladang Muda dan Ketua Kumpulan Peladang Nita”;

(e) dengan menggantikan subperaturan (2B) dengan subperaturan yang berikut:

“(2B) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2)—

- (a) bilangan Wakil-wakil Unit daripada mana-mana unit ahli Pertubuhan Peladang di Negeri Sarawak hendaklah tiga orang Wakil-wakil Unit bagi tiap-tiap unit ahli;
- (b) Wakil-wakil Unit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah termasuk Pengerusi Jawatankuasa Unit, Ketua Kumpulan Peladang Muda dan Ketua Kumpulan Peladang Nita bagi setiap unit ahli suatu Pertubuhan Peladang Kawasan;
- (c) Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit ahli Pertubuhan Peladang di Negeri Sarawak hendaklah seperti yang berikut:

 - (i) dalam hal keadaan keseluruhan ahlinya lebih daripada satu ribu orang:
 - (A) tiga orang Wakil-wakil Kawasan bagi satu ribu orang ahli yang pertama; dan
 - (B) seorang Wakil Kawasan bagi setiap satu ribu orang ahli yang berikutnya, atau bagi setiap ahli yang berikutnya yang kurang daripada satu ribu orang; dan

- (ii) dalam hal keadaan keseluruhan ahlinya kurang daripada satu ribu orang, tiga orang Wakil-wakil Kawasan:

Dengan syarat bahawa Wakil-wakil Kawasan tidak melebihi sebelas orang; dan

- (d) Wakil-wakil Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (c) hendaklah termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah, Ketua Kumpulan Peladang Muda dan Ketua Kumpulan Peladang Nita bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan.”; dan
- (f) dalam perenggan (3A)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi Jemaah Pengarah” perkataan “, Ketua Kumpulan Peladang Muda dan Ketua Kumpulan Peladang Nita”.

Pindaan peraturan 35

3. Peraturan 35 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jemaah Pengarah—

- (a) bagi tiap-tiap Pertubuhan Peladang Kawasan, hendaklah terdiri daripada tujuh orang—

- (i) lima orang ahli yang hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang termasuk—

- (A) seorang Peladang Muda; dan
 - (B) seorang Peladang Nita; dan
 - (ii) dua orang yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) bagi tiap-tiap Pertubuhan Peladang Negeri, hendaklah terdiri daripada tujuh orang—
- (i) lima orang ahli yang hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang termasuk—
 - (A) seorang Peladang Muda; dan
 - (B) seorang Peladang Nita; dan
 - (ii) dua orang yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (c) bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan, hendaklah terdiri daripada sembilan orang—
- (i) lima orang ahli yang hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang termasuk—
 - (A) seorang Peladang Muda; dan
 - (B) seorang Peladang Nita; dan

(ii) empat orang yang hendaklah dilantik oleh Menteri, seorang daripadanya merupakan wakil daripada mana-mana Kementerian.”;

(b) dalam perenggan (4)(b), dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “dua”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (8) dengan subperaturan yang berikut:

“(8) Kuorum bagi mana-mana mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah terdiri daripada yang berikut:

(a) empat orang bagi suatu Pertubuhan Peladang Kawasan;

(b) empat orang bagi suatu Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(c) lima orang bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan.”; dan

(d) dengan menggantikan subperaturan (9) dengan subperaturan yang berikut:

“(9) Melainkan jika diluluskan selainnya oleh Pendaftar secara bertulis, mesyuarat Jemaah Pengarah bagi suatu Pertubuhan Peladang hendaklah diadakan tidak lebih daripada sekali dalam dua bulan.”.

Pindaan peraturan 36

4. Peraturan 36 dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Bilangan calon yang akan dinamakan oleh setiap unit ahli suatu Pertubuhan Peladang bagi pemilihan sebagai pengarah hendaklah ditentukan oleh Pendaftar dan setiap calon hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) berumur 70 tahun atau ke bawah;
- (b) dia ialah seorang perwakilan Mesyuarat Agung di peringkat itu;
- (c) tiada tunggakan pinjaman dengan mana-mana Pertubuhan Peladang melebihi enam bulan;
- (d) bukan pekerja, pekhidmat atau ejen mana-mana Pertubuhan Peladang;
- (e) tidak diisytiharkan bankrap;
- (f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (g) tidak pernah terlibat dalam atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang memburukkan nama Menteri, Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian atau Pendaftar;

- (h)* tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau apa-apa kesalahan jenayah di bawah Akta oleh mahkamah di Malaysia dalam tempoh satu penggal sebelum pemilihan berikutnya;
- (i)* tidak pernah menerima apa-apa surat amaran daripada Pendaftar dalam tempoh satu penggal sebelum pemilihan berikutnya;
- (j)* tidak melaksanakan aktiviti yang bersaing dengan kegiatan atau perniagaan yang boleh memudaratkan Pertubuhan Peladang;
- (k)* hendaklah menandatangani suatu deklarasasi calon ahli Jemaah Pengarah bagi maksud mematuhi proses pemilihan Jemaah Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang; dan
- (l)* tiada halangan kesihatan untuk menjalankan kewajipan.”.

Pindaan peraturan 44

5. Peraturan 44 dipinda dalam subperaturan (1) dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”.

Kecualian

6. (1) Ahli Jemaah Pengarah sedia ada yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau dilantik oleh Menteri di bawah subperaturan 35(1) Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah dipilih atau dilantik dengan sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus memegang jawatan itu sehingga habis tempoh pemilihan atau pelantikan mereka seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa perbuatan yang dilakukan, tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh ahli Jemaah Pengarah yang disebut dalam subperaturan (1) sebaik selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai sah dan boleh diteruskan dengan sewajarnya oleh ahli Jemaah Pengarah.

Dibuat 12 Mac 2025
[LPP(U) 20/2 Jld. 11; PN(PU2)133/VI]

DATO' WIRA HAJI MAHFUZ BIN OMAR
Pengerusi
Lembaga Pertubuhan Peladang

Diluluskan 13 Mac 2025
[PM/KPKM/LPP/2024(14); PN(PU2)133/VI]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

FARMERS' ORGANIZATION ACT 1973

FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Farmers' Organization Act 1973 [Act 109], the Farmers' Organization Authority, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Farmers' Organization (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 14 March 2025.

Amendment of regulation 32

2. The Farmers' Organization Regulations 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 32—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

"(1) Subject to subregulation (6), the Unit Representatives from any member-unit of an Area Farmers' Organization shall be as follows:

(a) in a case where its total members are more than fifty members—

(i) three Unit Representatives for the first fifty members; and

(ii) two Unit Representatives for every subsequent fifty members or less than fifty members; or

(b) in a case where its total members are less than fifty members, three Unit Representatives.”;

(b) by substituting for subregulation (1A) the following subregulation:

“(1A) The Unit Representatives for every member-unit of an Area Farmer’s Organization as specified in subregulation (1) shall include:

- (i)* the Chairman of the Unit Committee;
- (ii)* the Head of Peladang Muda Group; and
- (iii)* the Head of Peladang Nita Group”;

(c) in subregulation (1B), by substituting for the word “four” the word “two”;

(d) in paragraph (2A)(a), by inserting after the words “the Chairman of the Board of Directors” the words “, the Head of Peladang Muda Group and the Head of Peladang Nita Group”;

(e) by substituting for subregulation (2B) the following subregulation:

“(2B) Notwithstanding subregulations (1) and (2)—

- (a)* the number of Unit Representatives from any member-unit of Farmers’ Organization in the State of Sarawak shall be three Unit Representatives for every member-unit;

(b) the Unit Representatives as specified in paragraph (a) shall include the Chairman of the Unit Committee, the Head of Peladang Muda Group and the Head of Peladang Nita Group for every member-unit of an Area Farmers' Organization;

(c) Area Representatives from any member-unit of the Farmers' Organization in the State of Sarawak shall be as follows:

(i) in a case where its total members are more than one thousand members:

(A) three Area Representatives for the first one thousand members; and

(B) one Area Representative for every subsequent one thousand members, or for every subsequent members which are less than one thousand members; and

(ii) in a case where its total members are less than one thousand members, three Unit Representatives:

Provided that the Unit Representatives shall be not more than eleven; and

(d) the Area Representatives as specified in paragraph *(c)* shall include the Chairman of the Board of Directors, the Head of the Peladang Muda Group and the Head of the Peladang Nita Group for every Area Farmers' Organization.”; and

(f) in paragraph (3A)*(a)*, by inserting after the words “the Chairman of the Board of Directors” the words “, the Head of Peladang Muda Group and the Head of the Peladang Nita Group”.

Amendment of regulation 35

3. Regulation 35 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The Board of Directors—

(a) for every Area Farmers' Organization, shall consist of seven persons—

(i) five members who shall be elected in the Annual General Meeting including—

(A) a Peladang Muda; and

(B) a Peladang Nita; and

(ii) two persons who shall be appointed by the Minister;

(b) for every State Farmers' Organization, shall consist of seven persons—

- (i) five members who shall be elected in the Annual General Meeting including—
 - (A) a Peladang Muda; and
 - (B) a Peladang Nita; and
 - (ii) two persons who shall be appointed by the Minister; and
- (c) for the National Farmers' Organization, shall consist of nine persons—
- (i) five members who shall be elected in the Annual General Meeting including—
 - (A) a Peladang Muda; and
 - (B) a Peladang Nita; and
 - (ii) four persons who shall be appointed by the Minister, one of whom shall be a representative from any Ministry.”;
- (b) in paragraph (4)(b), by substituting for the word “three” the word “two”;
- (c) by substituting for subregulation (8) the following subregulation:

“(8) The quorum for any meeting of the Board of Directors shall consist of the following:

- (a) four persons for an Area Farmers' Organization;

(b) four persons for a State Farmers' Organization;
and

(c) five persons for the National Farmers'
Organization.”; and

(d) by substituting for subregulation (9) the following subregulation:

“(9) Unless otherwise approved by the Registrar in writing, the meeting of Board of Directors of a Farmers' Organization shall be held not more than once in two months.”.

Amendment of regulation 36

4. Regulation 36 is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The number of candidates to be nominated by each member unit of a Farmers' Organization for the election of directors shall be determined by the Registrar and each candidate shall be subject to the following conditions:

(a) aged 70 years old or below;

(b) is a representative of the Annual General Meeting at that level;

(c) has no loan arrears with any Farmers' Organization exceeding six months;

(d) is not an employee, servant or agent of any Farmers' Organization;

(e) is not declared bankrupt;

- (f) has passed the integrity screening of the Malaysian Anti-Corruption Commission;
- (g) has never engaged in or behaved in any way that discredits the Minister, the Ministry charged with responsibility for agriculture or the Registrar;
- (h) has never been convicted of any criminal offence or any offence under the Act by a court in Malaysia within one term before the next election;
- (i) has never received any warning letter from the Registrar within one term before the next election;
- (j) shall not carry out activities that compete with activities or businesses that may be detrimental to the Farmers' Organizations;
- (k) shall sign a declaration of candidates for the Board of Directors for the purpose of complying with the selection process for the Board of Directors in the Farmers' Association Annual General Meeting; and
- (l) has no health impediments to carry out duties."

Amendment of regulation 44

5. Regulation 44 is amended in subregulation (1) by substituting for the word "two" the word "three".

Saving

6. (1) The existing members of the Board of Directors elected in the Annual General Meeting or appointed by the Minister under subregulation 35(1) of the principal Regulations immediately before the commencement of these Regulations

shall be deemed to have been duly elected or appointed under these Regulations and shall continue to hold office until the expiry of their term of elections or appointments as if the principal Regulations had not been amended by these Regulations.

(2) Any act done, action taken or decision made by the members of the Board of Directors referred to in subregulation (1) immediately after the commencement of these Regulations shall be deemed to be valid and may accordingly be continued by the members of the Board of Directors.

Made 12 March 2025
[LPP(U) 20/2 Jld. 11; PN(PU2)133/VI]

DATO' WIRA HAJI MAHFUZ BIN OMAR
Chairman
Farmers' Organization Authority

Approved 13 March 2025
[PM/KPKM/LPP/2024(14); PN(PU2)133/VI]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Minister of Agriculture and Food Security